SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

Jil. LXII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 11 JANUARI 2007 [No. 2

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK K. Y. MUSTAFA,**
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

**No. 11** [No. SPANS: P. 006422 Vol. II/55

PELANTIKAN SECARA KONTRAK

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan secara kontrak Encik Pang Nyuk Bin @ Francis Pang ke jawatan Jurutera, Gred J41 selama tiga (3) tahun mulai 22 Mei 2006.

---

**No. 12** [No. JKM. PHB. 600-2/79/(19)

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 612/2006 hendaklah diambil, walau bagaimanapun, pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan

Bab 69

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH - *(samb.)*

apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya, iaitu untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan, iaitu pembinaan Rumah Pam Air bagi Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, yang bagi maksud tersebut tanah itu dicadangkan untuk diambil.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 24 November 2006.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK MUSA HAJI AMAN,
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/79/(19)

THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 612/2006 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any work on the land connected to the use, that is for the use of the Federal Government, to wit the construction of a Water Pump House for the Royal Malaysian Navy Base, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, to which the land is intended to be put on its acquisition.

Cap. 69

Dated at Kota Kinabalu, this 24th day of November, 2006.

By His Excellency's Command,

DATUK MUSA HAJI AMAN,
*Chief Minister of Sabah.*

**No. 13** [No. JKM. PHB. 600-2/2/37/(21)

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 613/2006 hendaklah diambil, walau bagaimanapun, pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya, iaitu Pembinaan Saluran Bandar - Lembangan Kota Kinabalu 18G (Pembaikan Taman Sahabat), Penampang, yang bagi maksud tersebut tanah itu dicadangkan untuk diambil.

Bab 69

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 24 November 2006.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK MUSA HAJI AMAN,
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/2/37/(21)

THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 613/2006 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any work on the land connected to the use, to wit, the construction of the Saluran Bandar - Kota Kinabalu Basin 18G (Drainage Improvement at Taman Sahabat), Penampang, to which the land is intended to be put on its acquisition.

Cap. 69

Dated at Kota Kinabalu, this 24th day of November, 2006.

By His Excellency's Command,

DATUK MUSA HAJI AMAN,
*Chief Minister of Sabah.*

**No. 14** [No. JPBW: 09/01/04/(5)

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

(Sabah Bab 141)

PEMBERITAHUAN RESOLUSI UNTUK MENYEDIAKAN SKIM
DRAF DI BAWAH SEKSYEN 6(1)*(a)*
DRAF PELAN DAERAH KINABATANGAN NOMBOR PELAN 09150028

1. Dengan notis ini, pihak awam adalah dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Kinabatangan telah membuat resolusi untuk menyediakan satu skim draf yang akan dikenali sebagai Pelan Daerah Kinabatangan.

2. Skim draf ini akan meliputi semua kawasan di dalam Daerah Kinabatangan seperti yang ditunjukkan di dalam pelan bernombor 09150028. Pelan ini boleh dirujuk oleh pihak awam pada waktu pejabat di pejabat Majlis Daerah Kinabatangan dan pejabat Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 5, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, Kota Kinabalu.

3. Skim draf ini sedang dalam penyediaan dan maklumat serta penerbitan lanjut akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat ini.

Bertarikh di Kinabatangan pada 19 September 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kinabatangan.*

[No. JPBW: 09/01/04 (5)

THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE

(Sabah Cap. 141)

NOTIFICATION OF A RESOLUTION TO PREPARE A DRAFT SCHEME
UNDER SECTION 6(1)*(a)*
DRAFT KINABATANGAN DISTRICT PLAN NO. 09150028

1. Notice is hereby given to the public that the Kinabatangan District Council has resolved to prepare a draft scheme to be known as the Kinabatangan District Plan.

2. The draft scheme will cover the whole District of Kinabatangan as shown in the Plan No. 09150028. This plan will be available for public inspection during office hours at the office of the Kinabatangan District Council and the Department of Town and Regional Planning, 5th Floor, Block B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, Kota Kinabalu.

3. The draft scheme is in preparation and further notification and publication will be given shortly.

Dated at Kinabatangan, this 19th day of September, 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Chairman,*
*Kinabatangan District Council.*

**No. 15** [No. JPBW: 25/01/01/(3)

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

(Sabah Bab 141)

PEMBERITAHUAN RESOLUSI UNTUK MENYEDIAKAN SKIM
DRAF DI BAWAH SEKSYEN 6(1)*(a)*
DRAF PELAN DAERAH TONGOD NOMBOR PELAN 25150000

1. Dengan notis ini, pihak awam adalah dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Kinabatangan telah membuat resolusi untuk menyediakan satu skim draf yang akan dikenali sebagai Pelan Daerah Tongod.

2. Skim draf ini akan meliputi semua kawasan di dalam Daerah Tongod seperti yang ditunjukkan di dalam pelan bernombor 25150000. Pelan ini boleh dirujuk oleh pihak awam pada waktu pejabat di pejabat Majlis Daerah Kinabatangan dan pejabat Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 5, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, Kota Kinabalu.

3. Skim draf ini sedang dalam penyediaan dan maklumat serta penerbitan lanjut akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat ini.

Bertarikh di Tongod pada 19 September 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kinabatangan.*

[No. JPBW: 25/01/01 (3)

THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE

(Sabah Cap. 141)

NOTIFICATION OF A RESOLUTION TO PREPARE A DRAFT SCHEME
UNDER SECTION 6(1)*(a)*
DRAFT TONGOD DISTRICT PLAN NO. 25150000

1. Notice is hereby given to the public that the Kinabatangan District Council has resolved to prepare a draft scheme to be known as the Tongod District Plan.

2. The draft scheme will cover the whole District of Tongod as shown in the Plan No. 25150000. This plan will be available for public inspection during office hours at the office of the Kinabatangan District Council and the Department of Town and Regional Planning, 5th Floor, Block B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, Kota Kinabalu.

3. The draft scheme is in preparation and further notification and publication will be given shortly.

Dated at Tongod, this 19th day of September, 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Chairman,*
*Kinabatangan District Council.*

**No. 16** [No. JPBW: 24/01/03/(3)

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

(Sabah Bab 141)

PEMBERITAHUAN RESOLUSI UNTUK MENYEDIAKAN SKIM
DRAF DI BAWAH SEKSYEN 6(1)*(a)*
DRAF PELAN DAERAH KUNAK NOMBOR PELAN 24160000

1. Dengan notis ini, pihak awam adalah dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Kunak telah membuat resolusi untuk menyediakan satu skim draf yang akan dikenali sebagai Pelan Daerah Kunak.

2. Skim draf ini akan meliputi semua kawasan di dalam Daerah Kunak seperti yang ditunjukkan di dalam pelan bernombor 24160000. Pelan ini boleh dirujuk oleh pihak awam pada waktu pejabat di pejabat Majlis Daerah Kunak dan pejabat Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 5, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, Kota Kinabalu.

3. Skim draf ini sedang dalam penyediaan dan maklumat serta penerbitan lanjut akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat ini.

Bertarikh di Kunak pada 22 Disember 2006.

KAMLUN HAJI PASAL,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kunak.*

[No. JPBW: 24/01/03 (3)

THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE

(Sabah Cap. 141)

NOTIFICATION OF A RESOLUTION TO PREPARE A DRAFT SCHEME UNDER SECTION 6(1)*(a)*
DRAFT KUNAK DISTRICT PLAN NO. 24160000

1. Notice is hereby given to the public that the Kunak District Council has resolved to prepare a draft scheme to be known as the Kunak District Plan.

2. The draft scheme will cover the whole District of Kunak as shown in the Plan No. 24160000. This plan will be available for public inspection during office hours at the office of the Kunak District Council and the Department of Town and Regional Planning, 5th Floor, Block B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, Kota Kinabalu.

3. The draft scheme is in preparation and further notification and publication will be given shortly.

Dated at Kunak, this 22nd day of December, 2006.

KAMLUN HAJI PASAL,
*Chairman,*
*Kunak District Council.*

**No. 17** [No. JPBW: 25/01/01 (4)

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA 1950

(Sabah Bab 141)

NOTIS PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7 BAGI PENYEDIAAN PELAN DAERAH TONGOD (NO PELAN: 25150000)

1. Notis pemberitahuan ini diberikan kepada pihak awam bahawa satu Skim Draf yang dikenali sebagai Pelan Daerah Tongod telah disediakan bersama oleh Majlis Daerah Kinabatangan dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Kota Kinabalu.

2. Skim Draf ini boleh didapati untuk diperiksa pada waktu pejabat di pejabat Majlis Daerah Kinabatangan dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 4, Bangunan Urus Setia, 90400 Sandakan dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 5, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, 88646 Kota Kinabalu untuk satu jangka masa selama tiga puluh (30) hari berkuat kuasa mulai daripada tarikh penyiaran notis ini.

3. Mana-mana pihak atau badan awam yang terlibat dengan skim draf ini bolehlah dalam jangka masa yang telah ditetapkan menghantar kepada Pengerusi Majlis Daerah Kinabatangan, satu kenyataan bertulis bantahan terhadap apa-apa cadangan di dalam skim draf berkenaan dengan menyatakan:-

   *a.* keadaan dan sebab-sebab bantahan;

   *b.* sekiranya bantahan dapat dipenuhi dengan pengubahsuaian skim draf, nyatakan pengubahsuaian yang dicadangkan; dan

   *c.* sekiranya bantahan dapat dipenuhi dengan bayaran pampasan tertentu tanpa pengubahsuaian skim draf, nyatakan jumlah pampasan tersebut.

4. Sebarang kenyataan bertulis akan dipertimbangkan dalam suatu mesyuarat oleh Majlis Daerah Kinabatangan, di mana pihak pembantah akan dinasihati dan pembantah boleh menghadiri sendiri untuk didengar atau melalui peguambela, atau melalui mana-mana wakil atau pegawai yang diberi kuasa.

Bertarikh di Kinabatangan pada 19 Disember 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kinabatangan.*

[No. JPBW: 25/01/01 (4)

THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE 1950

(Sabah Cap. 141)

NOTICE UNDER SECTION 7 FOR THE PREPARATION OF A DRAFT SCHEME
TONGOD DISTRICT PLAN (PLAN NO: 25150000)

1. Notice is hereby given to the public that a Draft Scheme known as the Tongod District Plan has been jointly prepared by Kinabatangan District Council and the Town and Regional Planning Department, Kota Kinabalu.

2. The Draft Scheme will be available for public inspection during office hours at the office of the Kinabatangan District Council and the Department of Town and Regional Planning, 4th Floor, Bangunan Urus Setia, 90400 Sandakan and the Department of Town and Regional Planning, 5th Floor, Block B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, 88646 Kota Kinabalu for a period of thirty (30) days with effect from the date of publication of this notice.

3. Any person or public body affected by the draft scheme may within such period send to the Chairman of Kinabatangan District Council a written statement of objection of anything to the draft scheme, stating out:-

   *a.* the nature of and reasons for objection;

   *b.* if the objection can be removed by an alteration of the draft scheme, any alteration proposed; and

   *c.* if the objection can be satisfied by pecuniary compensation without alteration of the draft scheme, the amount of such compensation.

4. Any written statement shall be considered at a meeting of the Kinabatangan District Council of which the objector may attend and be heard in person or by an advocate or by a duly authorized agent or officer.

Dated at Kinabatangan, this 19th day of December, 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Chairman,*
*Kinabatangan District Council.*

**No. 18** [No. JPBW: 09/01/04/(6)

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA 1950

(Sabah Bab 141)

NOTIS PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7 BAGI PENYEDIAAN PELAN DAERAH KINABATANGAN (NO PELAN: 09150028)

1. Notis pemberitahuan ini diberikan kepada pihak awam bahawa satu Skim Draf yang dikenali sebagai Pelan Daerah Kinabatangan telah disediakan bersama oleh Majlis Daerah Kinabatangan dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Kota Kinabalu.

2. Skim Draf ini boleh didapati untuk diperiksa pada waktu pejabat di pejabat Majlis Daerah Kinabatangan dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 4, Bangunan Urus Setia, 90400 Sandakan dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 5, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, 88646 Kota Kinabalu untuk satu jangka masa selama tiga puluh (30) hari berkuat kuasa mulai daripada tarikh penyiaran notis ini.

3. Mana-mana pihak atau badan awam yang terlibat dengan skim draf ini bolehlah dalam jangka masa yang telah ditetapkan menghantar kepada Pengerusi Majlis Daerah Kinabatangan, satu kenyataan bertulis bantahan terhadap apa-apa cadangan di dalam skim draf berkenaan dengan menyatakan:-

   *a.* keadaan dan sebab-sebab bantahan;

   *b.* sekiranya bantahan dapat dipenuhi dengan pengubahsuaian skim draf, nyatakan pengubahsuaian yang dicadangkan; dan

   *c.* sekiranya bantahan dapat dipenuhi dengan bayaran pampasan tertentu tanpa pengubahsuaian skim draf, nyatakan jumlah pampasan tersebut.

4. Sebarang kenyataan bertulis akan dipertimbangkan dalam suatu mesyuarat oleh Majlis Daerah Kinabatangan, di mana pihak pembantah akan dinasihati dan pembantah boleh menghadiri sendiri untuk didengar atau melalui peguambela, atau melalui mana-mana wakil atau pegawai yang diberi kuasa.

Bertarikh di Kinabatangan pada 19 Disember 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kinabatangan.*

[No. JPBW: 09/01/04/(6)

THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE 1950

(Sabah Cap. 141)

NOTICE UNDER SECTION 7 FOR THE PREPARATION OF A DRAFT SCHEME
KINABATANGAN DISTRICT PLAN (PLAN NO: 09150028)

1. Notice is hereby given to the public that a Draft Scheme known as the Kinabatangan District Plan has been jointly prepared by Kinabatangan District Council and the Town and Regional Planning Department, Kota Kinabalu.

2. The Draft Scheme will be available for public inspection during office hours at the office of the Kinabatangan District Council and the Department of Town and Regional Planning, 4th Floor, Bangunan Urus Setia, 90400 Sandakan and the Department of Town and Regional Planning, 5th Floor, Block B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, 88646 Kota Kinabalu for a period of thirty (30) days with effect from the date of publication of this notice.

3. Any person or public body affected by the draft scheme may within such period send to the Chairman of Kinabatangan District Council a written statement of objection of anything to the draft scheme, stating out:-

   *a.* the nature of and reasons for objection;

   *b.* if the objection can be removed by an alteration of the draft scheme, any alteration proposed; and

   *c.* if the objection can be satisfied by pecuniary compensation without alteration of the draft scheme, the amount of such compensation.

4. Any written statement shall be considered at a meeting of the Kinabatangan District Council of which the objector may attend and be heard in person or by an advocate or by a duly authorized agent or officer.

Dated at Kinabatangan, this 19th day of December, 2006.

ABDUL LATIF KANDOK,
*Chairman,*
*Kinabatangan District Council.*

**No. 19** [No. JPBW: 24/01/03/(4)

ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA 1950

(Sabah Bab 141)

NOTIS PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7 BAGI PENYEDIAAN PELAN DAERAH KUNAK (NO PELAN: 24160000)

1. Notis pemberitahuan ini diberikan kepada pihak awam bahawa satu Skim Draf yang dikenali sebagai Pelan Daerah Kunak telah disediakan bersama oleh Majlis Daerah Kunak dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Kota Kinabalu.

2. Skim Draf ini boleh didapati untuk diperiksa pada waktu pejabat di pejabat Majlis Daerah Kunak dan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 2, Wisma Pelabuhan, 91000 Tawau dan Ibu Pejabat Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Tingkat 5, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, 88646 Kota Kinabalu untuk satu jangka masa selama tiga puluh (30) hari berkuat kuasa mulai daripada tarikh penyiaran notis ini.

3. Mana-mana pihak atau badan awam yang terlibat dengan skim draf ini bolehlah dalam jangka masa yang telah ditetapkan menghantar kepada Pengerusi Majlis Daerah Kunak, satu kenyataan bertulis bantahan terhadap apa-apa cadangan di dalam skim draf berkenaan dengan menyatakan:-

   *a.* keadaan dan sebab-sebab bantahan;

   *b.* sekiranya bantahan dapat dipenuhi dengan pengubahsuaian skim draf, nyatakan pengubahsuaian yang dicadangkan; dan

   *c.* sekiranya bantahan dapat dipenuhi dengan bayaran pampasan tertentu tanpa pengubahsuaian skim draf, nyatakan jumlah pampasan tersebut.

4. Sebarang kenyataan bertulis akan dipertimbangkan dalam suatu mesyuarat oleh Majlis Daerah Kunak, di mana pihak pembantah akan dinasihati dan pembantah boleh menghadiri sendiri untuk didengar atau melalui peguambela, atau melalui mana-mana wakil atau pegawai yang diberi kuasa.

Bertarikh di Kunak pada 22 Disember 2006.

KAMLUN HAJI PASAL,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kunak.*

[No. JPBW: 24/01/03/(4)

THE TOWN AND COUNTRY PLANNING ORDINANCE 1950

(Sabah Cap. 141)

NOTICE UNDER SECTION 7 FOR THE PREPARATION OF A DRAFT SCHEME
KUNAK DISTRICT PLAN (PLAN NO: 24160000)

1. Notice is hereby given to the public that a Draft Scheme known as the Kunak District Plan has been jointly prepared by Kunak District Council and the Town and Regional Planning Department, Kota Kinabalu.

2. The Draft Scheme will be available for public inspection during office hours at the office of the Kunak District Council and the Department of Town and Regional Planning, 2nd Floor, Wisma Pelabuhan, 91000 Tawau and the Department of Town and Regional Planning, 5th Floor, Block B, Wisma Tun Fuad Stephens, Karamunsing, 88646 Kota Kinabalu for a period of thirty (30) days with effect from the date of publication of this notice.

3. Any person or public body affected by the draft scheme may within such period send to the Chairman of Kunak District Council a written statement of objection of anything to the draft scheme, stating out:-

   *a.* the nature of and reasons for objection;

   *b.* if the objection can be removed by an alteration of the draft scheme, any alteration proposed; and

   *c.* if the objection can be satisfied by pecuniary compensation without alteration of the draft scheme, the amount of such compensation.

4. Any written statement shall be considered at a meeting of the Kunak District Council of which the objector may attend and be heard in person or by an advocate or by a duly authorized agent or officer.

Dated at Kunak, this 22nd day of December, 2006.

KAMLUN HAJI PASAL,
*Chairman,*
*Kunak District Council.*

**No. 20** [No. KKT & P: 400-7/1/22/(232)

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUNAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

Saya telah mengaudit Penyata Harta dan Tanggungan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Majlis Daerah Kunak bagi tahun berakhir 31 Disember 2002. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Penyata Kewangan ini disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Menurut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperoleh, dan perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan.

3 Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.

4. Kecuali apa yang dinyatakan di perenggan 2.1 dan 2.3 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan harta dan tanggungan yang berpunca dari urus niaga tunai bagi Majlis Daerah Kunak pada 31 Disember 2002 dan hasil serta pembayaran dalam tahun berakhir pada tarikh itu mengikut asas tunai.

NGU KEE LEONG
*b.p. Ketua Audit Negara,*
*Malaysia.*

Kota Kinabalu.

Tarikh: 14 Julai 2006.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUNAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 *Bantuan Khas – RM41,329*

Pada tahun 2002, Majlis telah menggunakan sejumlah RM29,026 daripada RM41,329 baki bantuan khas Kerajaan Negeri bagi membiayai aktiviti lain. Majlis hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan sebelum menggunakan baki bantuan tersebut untuk tujuan lain. Sementara itu sekiranya baki berkenaan tidak diperlukan lagi, jumlah berkenaan hendaklah dipulangkan kepada Kerajaan Negeri atau kelulusan khas diperoleh bagi menukar bantuan berkenaan kepada *grant* mengurus.

2.2 *Baki Wang Dalam Akaun Simpanan Tetap RM50,000*

Saya tidak dapat mengesahkan baki wang dalam simpanan tetap pada akhir tahun 2002. Ini adalah kerana buku daftar, salinan Sijil Simpanan Tetap atau surat pengesahan bank untuk pengesahan baki tidak dapat disediakan untuk semakan audit.

2.3 *Penyata Pembayaran*

Saya tidak dapat mengesahkan ketepatan pembayaran yang dibuat pada tahun 2002 kerana kebanyakan baucar bayaran tidak mempunyai dokumen sokongan. Di samping itu, terdapat beberapa baucar bayaran tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakan Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti Majlis Daerah Kunak. Hasil semakan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

3.1 *Prestasi Kewangan*

Pada tahun 2002, Majlis meramalkan belanjawan yang positif berdasarkan anggaran penerimaan sejumlah RM1.71 juta dan pembayaran sejumlah RM1.23 juta. Majlis telah mengakhiri tahun kewangan dengan mencatatkan defisit sejumlah RM73,499 berdasarkan penerimaan sejumlah RM1.65 juta dan perbelanjaan sejumlah RM1.72 juta. Secara keseluruhan, prestasi kewangan Majlis bagi tahun 2002 meningkat sejumlah RM1,687 berbanding dengan tahun 2001 iaitu daripada defisit sejumlah RM75,186 kepada defisit sejumlah RM73,499. Memandangkan liabiliti dan hasil tertunggak tidak diambil kira dan juga akaun Majlis disediakan mengikut asas perakaunan tunai tidak memberi pendedahan yang mencukupi, saya tidak dapat memastikan kesan kewangan sepenuhnya terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Kunak pada 31 Disember 2002.

3.2 *Pungutan Bagi Pihak Agensi Kerajaan*

Baki pungutan bagi pihak agensi Kerajaan yang dipegang oleh Majlis telah meningkat daripada RM82,201 pada tahun 2001 kepada RM97,182 pada tahun 2002 seperti berikut:

| *Pungutan bagi Pihak Agensi* | *Tahun* | |
|---|---|---|
| | *2002* | *2001* |
| | *RM* | *RM* |
| Lembaga Urusan Tabung Haji | 2,290 | 2,230 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 7,675 | 9,633 |
| PERKESO | 735 | 863 |
| KOPEKS | 1,360 | 1,120 |
| Cukai Pendapatan | 1,784 | 1,784 |
| Pencen | 55,034 | 40,302 |
| ANGKASA | 23,960 | 21,459 |
| Pinjaman Perumahan | 2,993 | 3,871 |
| YPIEM | 1,131 | 939 |
| Amanah Saham Nasional | 220 | - |
| Jumlah: | RM97,182 | RM82,201 |

Majlis perlu mengambil tindakan untuk memastikan pembayaran kepada agensi berkenaan dibuat dengan segera.

3.3 *Perbelanjaan Melebihi Anggaran*

Pada tahun 2002, Majlis telah berbelanja melebihi anggaran sejumlah RM939,700 tanpa kelulusan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Jumlah tersebut adalah bagi 23 pecahan kepala perbelanjaan iaitu 11 pecahan kepala mengurus berjumlah RM93,188 dan 12 jenis perbelanjaan khas yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM846,512. Majlis perlu mengambil tindakan segera memohon kelulusan berhubung perbelanjaan lebih tersebut daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

3.4 *Tunggakan Hasil*

Saya tidak dapat mengesahkan jumlah tunggakan hasil Majlis pada akhir tahun 2002 kerana Penyata Tunggakan Hasil serta senarai terperinci mengenainya tidak disediakan.

4. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Majlis Daerah Kunak untuk meningkatkan lagi akauntabiliti awam.

NGU KEE LEONG,
*b.p. Ketua Audit Negara,*
*Malaysia.*

Kota Kinabalu.

Tarikh: 14 Julai 2006.

MAJLIS DAERAH KUNAK

PENYATA HARTA DAN TANGGUNGAN PADA 31 DISEMBER 2002

| *Tanggungan* | *2002* RM | *2001* RM | *Harta* | *2002* RM | *2001* RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Bantuan-bantuan Khas ... ... | 41,329 | 21,469 | Wang dalam Bank ... ... ... | 59,484 | 27,523 |
| Pungutan bagi Pihak Agensi Kerajaan ... ... ... ... | 97,182 | 81,581 | Wang dalam Tangan .. ... ... | 1 | - |
| Kumpulan Wang Terkumpul pada 1 Januari 2002 RM44,473 | | | Wang dalam Simpanan Tetap ... | 50,000 | 120,000 |
| *Pembayaran Melebihi Penerimaan* (RM73,499) | (29,026) | 44,473 | | | |
| | RM109,485 | RM147,523 | | RM109,485 | RM147,523 |

KAMLUN HJ. PASAL,
*Pengerusi,*
*Majlis Daerah Kunak.*

Bertarikh: 2 Mei 2006.

MAJLIS DAERAH KUNAK

PENYATA BANTUAN KAPITAL/KHAS KERAJAAN 2002

| *Bil.* | | *Jenis Bantuan Khas* | *Baki Pada 1 Januari 2002* | *Diterima 2002* | *Dibayar 2002* | *Baki Pada 31 Disember 2002* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | RM | RM | RM | RM |
